



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

05 Syawal 1441 / 28 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, 05 Syawal 1441 bersamaan 28 Mei 2020, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **satu kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh seramai 138 orang.** Ini bermakna, hanya **satu kes saja** yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini. Kes tersebut masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan heart/lung (ECMO) dan mesin pernafasan.
3. Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, seramai 2,679 orang kontak kes telah menamatkan tempoh kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dan tidak ada sesiapa yang sedang menjalani

kurantin pada masa ini. Walau bagaimanapun, terdapat 140 orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai 2,239 orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 59 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 18,707 ujian.
5. Seterusnya, berikutan makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 233,737 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Disamping itu juga, sejumlah 3,825 syarikat dan premis telah mendaftar kepada aplikasi tersebut.
6. Sepertimana yang dimaklumkan pada sidang-sidang media yang lepas, InshaaAllah masjid-masjid akan dibukakan kepada orang ramai bagi menunaikan Solat Fardhu Jumaat bermula esok iaitu 29 Mei 2020. Alhamdulillah, setakat ini kira-kira 35,980 orang ramai telah mendaftar dan membuat tempahan slot bagi solat Fardhu Jumaat. Dengan ini, diingatkan kepada semua jemaah yang akan datang ke

masjid iaitu mereka yang sudah mendaftar dan diberikan kod hijau, untuk memakai penutup muka atau *face mask* semasa berada di kawasan masjid dan untuk membawa tikar sembahyang sendiri yang berukuran besar. Sebagai langkah berjaga-jaga, jemaah juga dinasihatkan untuk tidak bersalam-salaman dan segera balik sebaik sahaja selesai mengerjakan solat Fardhu Jumaat.

7. Sementara itu, dalam menggunakan Aplikasi BruHealth, orang ramai adalah juga disarankan untuk berhati-hati ketika memilih jawapan dalam membuat penilaian diri ataupun *self-assesment*. Ini adalah bagi mengelakkan daripada permohonan tersebut diberikan kod yang salah atau tidak sepatutnya. Untuk makluman, jika sekiranya seseorang mendapat kod yang tidak betul, rayuan atau *appeal* bagi mendapatkan kod baru akan mengambil masa yang lama. Ini akan seterusnya menghalang seseorang daripada mendapat akses kepada mana-mana premis dan tempat-tempat yang memerlukan kod.
8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 05 Syawal 1441H / 28 Mei 2020